

07/09/2000

Negara membangun mesti tegas

Mior Kamarul Shahid

PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB), Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, negara membangun perlu bertindak tegas merangka masa depan yang lebih baik bagi negara dan rakyat masing-masing, menerusi pembentukan sistem ekonomi antarabangsa yang adil, seimbang dan demokratik.

Ini kerana banyak negara membangun terdedah kepada masalah serius berpunca daripada ketidakstabilan kedudukan kewangan akibat ketiadaan mekanisme sesuai bagi membuat peraturan dan memantau pengaliran modal jangka pendek selain masalah dana lindung nilai dan pembaziran oleh institusi kewangan.

"Sudah menjadi kenyataan, liberalisasi perdagangan antarabangsa tidak menyediakan faedah kepada negara membangun," katanya di mesyuarat khas Ketua-Ketua Negara dan kerajaan Kumpulan 77 (G-77) di sini hari ini.

Mesyuarat itu diadakan sebagai persediaan Sidang Puncak Alaf PBB bermula esok, yang akan dihadiri oleh lebih 150 pemimpin dunia.

Dr Mahathir menegaskan pentingnya penyertaan seluruh negara membangun bagi mendesak pelaksanaan sepenuhnya Perjanjian Pusingan Uruguay supaya memberi perhatian kepada mereka.

Negara membangun, katanya, perlu menyelaras keutamaan dan berunding merangka strategi supaya mereka dapat mempengaruhi arah rundingan perdagangan pelbagai hala dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Bagi menjayakan matlamat itu, G-77, yang kini dianggotai 133 negara, perlu mendapat sokongan berterusan sebagaimana dicadangkan dalam konteks Suruhanjaya Penyelarasan Selatan.

Suruhanjaya Penyelarasan Selatan yang ditubuhkan dalam sidang puncak G-77 di Havana, Cuba April lalu ialah jawatankuasa eksekutif dianggotai Majlis G-77 bagi mewujudkan mekanisme konkrit untuk memastikan negara Selatan mengambil bahagian secara berkesan dalam urusan membuat keputusan antarabangsa supaya memberi keadilan kepada negara membangun.

Malaysia adalah antara lima negara yang menganggotai majlis itu selain Nigeria, Algeria, Jamaica dan Afrika Selatan. Majlis itu berunding di Kaherah, Jun lalu dan diikuti di London, baru-baru ini. Ia dipengerusikan oleh Presiden Nigera, Olusegun Obasanjo.

Suruhanjaya itu dibantu oleh sumber dan tenaga di Pusat Selatan, Geneva, yang ditubuhkan menerusi perjanjian rasmi ditandatangani 46 negara anggota G-77.

Dr Mahathir berada di New York kelmarin setelah melakukan lawatan tiga hari ke Chicago. Kehadirannya di sini adalah semata-mata untuk menghadiri mesyuarat khas ketua negara dan kerajaan G-77 bagi mengkaji kemajuan yang dicapai sejak sidang kemuncak G-77 di Havana dan laporan pelaksanaan kumpulan mengenai Suruhanjaya Penyelarasan Selatan.

Perdana Menteri, yang tidak menghadiri sidang puncak alaf PBB, sebaliknya diwakili Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar, berlepas ke London petang ini sebelum kembali ke tanah air.

Ketika di New York, beliau mengunjungi Presiden Cuba, Fidel Castro untuk berbincang mengenai pelbagai perkara kepentingan bersama terutamanya membabitkan negara membangun.

Dr Mahathir mengingatkan negara membangun mengenai sidang puncak Havana di mana negara G-77 sudah pun membangkitkan bahawa negara Selatan tidak dapat berkongsi faedah secara adil dalam arus globalisasi sebagaimana dinikmati negara maju.

Hakikatnya, kata beliau, ramai antara mereka terkeluar daripada mendapat faedah dalam proses berkenaan.

Di Havana, negara anggota juga membincangkan kemajuan dunia yang memberi kesan kepada negara membangun dan bersetuju meneruskan perjuangan serta bertindak bersama secara membina demi melindungi dan meningkatkan kepentingan bersama dan kerjasama antarabangsa yang tulen.

Dr Mahathir menyeru negara membangun supaya mengenakan tekanan terhadap institusi antarabangsa supaya mereka mengamalkan sikap telus, inklusif, sama-sama berusaha membangunkan dunia, berinteraktif dan memberi peluang lebih luas sesama mereka.

Beliau yakin, dengan adanya kajian mendalam dan maklumat statistik yang lengkap, tekanan itu dapat dilakukan.

Perdana Menteri mencadangkan Pusat Selatan, yang dilengkapi dengan dana dan kakitangan sesuai, menjalankan penyelidikan dan menyumbang idea ke arah mewujudkan satu reformasi sistem kewangan dunia.

Beliau berharap kerjasama Selatan-Selatan akan menjadi jentera berkesan bagi meningkatkan potensi secara optimum untuk pembangunan. Kerjasama itu amat bermakna dalam era globalisasi. Namun, ia memerlukan sokongan politik untuk menjayakannya.

Sebaik saja mesyuarat berakhir, Dr Mahathir memberitahu pemberita bahawa tidak ada sebarang keputusan dibuat dalam mesyuarat itu kerana ia tidak diwakili semua anggota majlis disebabkan notis yang terlalu singkat. Mesyuarat hanya membincangkan cadangan yang dikemukakan oleh majlis.

Wakil negara berkenaan diminta merujuk semula kepada ketua kerajaan masing-masing sebelum sebarang keutusan dibuat.

Dr Mahathir berkata disebabkan mandat lima anggota majlis yang sepatutnya tamat akhir bulan ini, mesyuarat bersetuju menyambung tempoh perkhidmatan mereka.

(END)